



**TEKS UCAPTAMA
YBRS. TUAN SAAT BIN ESA C.A(M)
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PERHIMPUNAN BULAN NOVEMBER 2017 JANM
9 NOVEMBER 2017**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Negaraku dan Salam 1Malaysia.**

Terima kasih, Pengacara Majlis, terima kasih kepada saudara pembaca doa yang telah memimpin bacaan doa pada pagi ini dan terima kasih juga kepada pasukan koir JANM.

**Yang Berusaha Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
Dr. Yacob bin Mustafa,**

Pengarah-pengarah Bahagian,

Ketua-ketua Akauntan Kementerian,

Pengarah-pengarah Negeri dan Cawangan,

**Dato'-Dato', Datin, Tuan-tuan dan puan-puan
Warga JANM yang dikasihi sekalian.**

1. Bersyukur kita kehadiran Allah SWT atas limpah kurnia dan keizinanNya dapatlah kita sama-sama berhimpun pada pagi ini buat kali PERTAMA saya menyandang jawatan ANM. Saya juga mendoakan agar semua warga skim perkhidmatan perakaunan dan JANM didalam kandungan sihat dan sejahtera sentiasa sepanjang masa.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga Perkhidmatan Perakauan dan JANM atas kehadiran di

perhimpunan di dewan ini dan juga kepada semua warga yang mengikuti perhimpunan ini secara online.

3. Terima kasih juga kepada urus setia majlis pada pagi ini. Perhimpunan seperti ini amat penting bagi menyampaikan amanat dan perkembangan terkini Jabatan kepada semua warga Perkhidmatan Perakaunan dan JANM.
4. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **semua Warga perkhidmatan perakaunan, warga JANM, NGO-NGO perkhidmatan perakaunan sektor awam di atas sokongan dan kepercayaan untuk saya mengalas tanggungjawab dan amanah menerajui Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang saya sandang mulai 16 Oktober 2017 yang lalu.**
5. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk **merakamkan penghargaan kepada Mantan-Mantan Akauntan Negara Malaysia, Khususnya kepada mantan ANM yang Mukhtakir YBhg. Dato' Hj Che Pee bin Samsudin di atas segala sumbangan mereka meletakkan JANM sehingga ke tahap ini.**
6. Sesungguhnya saya menerima Jawatan ini dengan penuh rasa tawadduk dan kesyukuran.

Para hadirin sekalian,

7. Saya sedar bahawa **tugas dan tanggungjawab** yang diberikan ini adalah satu **amanah yang besar**. Namun begitu, saya yakin dan percaya dengan sokongan dan kerjasama daripada semua warga perkhidmatan perakaunan dan warga JANM sudah pasti dapat membantu saya menerajui Jabatan Akauntan Negara Malaysia menjadi sebuah **ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI**. Oleh itu, saya **menuntut komitmen dan semangat kerja berpasukan yang tulen** daripada semua warga perkhidmatan perakaunan dan warga JANM untuk kita sama-sama **berganding bahu** mencapai hasrat murni ini.
8. Saya ingin meneruskan momentum perjalanan Jabatan Akauntan Negara Malaysia memacu kejayaan yang lebih besar dalam memenuhi ekspektasi pelanggan dan pemegang taruh JANM, saya dengan penuh harapan dan semangat, mahu semua Warga perkhidmatan perakaunan dan JANM untuk **BERGANDING BAHU BANGKIT BERSAMA-SAMA SAYA DALAM MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM DAN ORGANISASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA MENJADI SEBUAH ORGANISASI YANG BERPRESTASI TINGGI DAN DIHORMATI.**
9. Sebagai sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi, kita perlu memastikan untuk terus **cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan yang memberi kepuasan optimum kepada pelanggan.**

10. Untuk menjadi organisasi yang cemerlang ini, budaya cemerlang perlu diterap dan diamalkan bagi kita menzahirkan **produktiviti dan produk yang berkualiti tinggi, membudayakan inovasi untuk penambahbaikan yang berterusan bagi penghasilan perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi pemegang taruh JANM yang sentiasa berubah dari masa ke masa.**

KESETIAAN, INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI

Para hadirin sekalian,

11. Saya percaya semua warga perkhidmatan perakaunan dan JANM dapat mengekal dan memperkukuhkan amalan prinsip **sikap amanah, tulus ikhlas dalam melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan** untuk membawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi. Pelaksanaan tugas dan tanggungjawab ini menjadi dermabakti kepada Negara dan sebagai ibadah yang diterima oleh **PENCIPTA KITA** selepas kita meninggalkan kehidupan dunia yang penuh nikmat ini.
12. **Elemen integriti dan sikap amanah** adalah merupakan asas terpenting untuk mengangkat Jabatan Akauntan Negara Malaysia menjadi sebuah organisasi yang dihormati. Selain itu, ilmu dan profesionalisme juga adalah elemen yang sama pentingnya untuk kita mencapai hasrat ini. Oleh itu, sama-sama lah kita semua warga perkhidmatan perakaunan dan JANM **menjaga** imej bagi **menaikkan kredibiliti** warga dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
13. Hakikatnya saya percaya, Jabatan Akauntan Negara Malaysia berada di landasan yang tepat seiring dengan Tagline Jabatan “**excellent accounting @ your service**”. Ini dibuktikan dengan pencapaian mendapat pengiktirafan 5 Bintang yang telah diterima dari sistem penarafan Bintang oleh MAMPU dan Jabatan Audit Negara serta berjaya mengeluarkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan lebih awal daripada masa ditetapkan dengan Sijil Audit Tanpa Teguran. Ia merupakan **manifestasi perkhidmatan yang efektif dan efisien** oleh semua warga JANM.
14. **TAHNAH DIUCAPKAN KEPADA SELURUHAN WARGA PERKHIDMATAN PERAKAUNAN DAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA.**

ESPRIT DE CORP (KERJA BERPASUKAN)

Para hadirin sekalian,

15. Kejayaan demi kejayaan yang kita kecapai sekarang adalah didasari oleh **semangat kerja berpasukan yang tulen (SENSE OF BELONGING)** dari

semua warga kerja perkhidmatan perakaunan dan JANM. Seperti kata perpatah melayu “ke bukit sama-sama didaki ke lurah sama-sama dituruni”, amalan budaya kerja ini perlu dimantapkan untuk memperkukuhkan dan mengekalkan momentum dan mempertingkatkan lagi perjuangan JANM ke arah Organisasi Berprestasi Tinggi. Teruskan semangat kerja berpasukan yang tulen ini supaya anggota pasukan kita tidak menjadi apa yang dikatakan seperti “enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing”.

16. Suka juga saya mengingatkan diri saya sendiri dan semua warga perlu bekerja sebagai satu pasukan yang saling berkerjasama satu sama lain dan bebas dari **budaya atau ‘mind-set’ untuk bekerja secara silo**.
17. **Kolibarasi dan koordinasi antara Bahagian, Negeri dan Cawangan, perlu dimantapkan untuk menzahirkan penyampaian awam dan pengurusan organisasi berprestasi tinggi.** Ini penting kerana kejayaan yang hendak dikecapi adalah **refleksi kepada kejayaan Jabatan** bukannya **kejayaan seseorang individu atau sesebuah Bahagian/Seksyen/Unit bahkan ianya dihasilkan dari satu pasukan kerja yang mantap. Bak kata perpatah “Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat”**.

PROFESIONALISME

18. Dalam kita memacu momentum ke arah Organisasi Berprestasi Tinggi, saya juga menyeru supaya semua warga perkhidmatan perakaunan dan JANM sentiasa melakukan usaha meningkatkan **pengetahuan dan kemahiran melalui prinsip pembelajaran yang berterusan**. Ini termasuk usaha, terutamanya **Akauntan** untuk menjadi ahli **badan-badan perakaunan professional**.
19. Usaha ini penting untuk kita warga perkhidmatan perakaunan dan warga JANM mengatasi krisis Kompetensi yang dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu kerana tidak memiliki kelayakan professional. Jabatan sentiasa menyokong dalam **pembangunan modal insan** untuk seluruh warga perkhidmatan perakaunan dan JANM bagi mempertingkatkan kompetensi.

MENGUTAMAKAN PELANGGAN

Para hadirin sekalian,

20. Setiap warga perkhidmatan perakaunan dan JANM perlu **memahami kehendak dan ekspektasi pelanggan serta pemegang taruh JANM** dan bersedia berubah bagi memastikan penghasilan perkhidmatan yang mesra dan melangkaui ekspektasi mereka.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

21. Kita kini berada di penghujung tahun 2017, ini bermakna hanya tinggal **52 hari sahaja** lagi sebelum kita melangkah ke tahun baharu 2018. JANM akan membuka tirai tahun 2018 dengan **Pelaksanaan Perakaunan Akruan dan sistem 1GFMAS**.
22. Saya yakin kita mampu dan bersedia menghadapi apa jua cabaran dan rintangan yang dihadapi dengan segala persiapan rapi yang telah kita laksanakan dan rencana bersama-sama.
23. ***“Together we make things happen”***.
Semua perkara yang telah saya nyatakan ini adalah untuk memastikan kita semua warga perkhidmatan perakaunan dan warga JANM yang komited untuk menjadikan organisasi dan skim perkhidmatan yang cemerlang dan dihormati.
24. Kita kini berada di landasan yang baik untuk melangkah maju ke hadapan menjadikan JANM sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi.
25. **#AYUH SAMA-SAMA KITA BERGANDING BAHU UNTUK BANGKIT BERSAMA MEMPERKASAKAN PERAKAUNAN AKRUAN SEKTOR AWAM MALAYSIA DAN MENJADIKAN JANM SEBUAH ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI DAN DIHORMATI”**.
26. Akhir sekali saya ingin kongsi pantun 2 kerat ini untuk peringatan kita semua:
**“Sanggul sama sanggul,
Gelang sama gelang.
Timbul sama timbul,
Hilang sama hilang”**.
27. Dengan itu, saya sudahi ucapan saya dengan kalimah suci
**WABILLAHITAUFIQ WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM
WAROHMATULLAHIWABAROKATUH**

SEKIAN, TERIMA KASIH.